



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA
PENGURANGAN LANGKAH-LANGKAH PENJARAKAN
SOSIAL YANG DIAMBIL
BERIKUTAN SITUASI COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
30 Zulkaedah 1441 / 22 Julai 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Rabu, 30 Zulkaedah 1441H bersamaan 22 Julai 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang manakala jumlah kes yang telah sembuh ialah seramai 138 orang.**
2. Sementara itu, terdapat 456 orang yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai

3,379 orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **567 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **37,058 ujian**.

4. Seterusnya, mengambilkira situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang pada masa ini adalah dalam keadaan yang terkawal, maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai **tambahan** pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial seperti berikut:

a. Memulakan tahap pertama (level 1) pada 27 Julai 2020 bagi arked dan taman permainan kanak-kanak (*indoor and outdoor*).

b. Menaikkan dari tahap pertama (level 1) ke tahap ke dua (level 2) bermula pada 27 Julai 2020 bagi:

- Kolam renang
- Panggung wayang
- Pusat kegiatan warga emas
- Perkumpulan ramai

c. Menaikkan dari tahap kedua (level 2) ke tahap ketiga (level 3) bermula pada 27 Julai 2020 bagi:

- Kelas berkeperluan khas
- Pusat penjagaan kanak-kanak
- Muzium, galeri dan perpustakaan
- Kafe internet

d. Menaikkan dari tahap ketiga (level 3) ke tahap keempat (level 4) bermula pada 27 Julai 2020 bagi:

- Sekolah
- Pendidikan teknikal, vokasional dan tinggi
- Sekolah tusyen dan sekolah muzik
- Sekolah memandu
- *Gym dan fitness centre*
- Kemudahan sukan (*indoor & outdoor*)

- Golf
 - Restoran, kafe dan *food court*
 - Gerai dan pasar
- e. Menaikkan dari tahap ketiga (level 3) ke tahap keempat (level 4) bermula pada 03 Ogos 2020 bagi:
- Masjid, surau dan balai-balai ibadat
 - Tempat-tempat ibadat selain masjid dan surau
- f. Sementara itu, ekspo dan pameran perdagangan juga akan dibenarkan berlangsung dengan syarat-syarat tertentu.

Keterangan lanjut mengenai pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial di setiap premis tersebut di atas akan masing-masing dijelaskan oleh Kementerian yang berkenaan.

5. Sementara itu, berikut ialah syarat-syarat pengurangan langkah-langkah sosial bagi aktiviti-aktiviti tertentu:
- a. Bermula 27 Julai 2020, perkumpulan ramai adalah dibenarkan dengan keramaian tidak melebihi 100 orang sahaja. Orang

- ramai boleh merujuk kepada syarat-syarat terperinci di dalam Garispanduan bagi Perkumpulan Ramai Tahap 2 yang akan dimuat naik ke laman sesawang Kementerian Kesihatan.
- b. Tempat-tempat ibadat lain selain masjid dan surau akan dibenarkan beroperasi pada kadar kapasiti biasa bermula pada 3 Ogos 2020. Garispanduan bagi Tempat-tempat Ibadat selain Masjid dan Surau Tahap 4 akan dimuat naik ke laman sesawang Kementerian Kesihatan.
- c. Arked dan taman permainan kanak-kanak (*indoor and outdoor*) akan dibenarkan beroperasi pada kadar 30% dari kapasiti biasa pada satu-satu masa. Garispanduan bagi Arked dan Taman Permainan Kanak-Kanak Tahap 1 akan dimuat naik ke laman sesawang Kementerian Kesihatan.
6. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan ingin memberikan peringatan bahawa orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang berkaitan dengan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial tersebut. Sesiapa

yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggagal 204) yang mana jika didapati bersalah boleh dikenakan denda kompaun sehingga \$5,000 atau boleh didakwa ke mahkamah yang membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan.

7. Sementara itu, hasil rondaan-rondaan pemantauan dan penguatkuasaan 'Ops Merati' yang telah dilakukan oleh Unit Penguatkuasaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di sepanjang sepuluh minggu pertama pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial dilaksanakan mendapati sebanyak 143 kesalahan telah didapati dilakukan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggagal 204), dimana 13 daripadanya telah dikenakan denda kompaun. Antara kesalahan-kesalahan yang telah didapati semasa operasi tersebut adalah seperti:

- Tidak menyediakan pemeriksaan suhu badan sebelum masuk ke premis;
- Tidak memakai penutup muka (face mask) bagi pengendali makanan dan tukang gunting;
- Tidak ada langkah-langkah penjarakan sosial di premis-premis perniagaan tertentu bagi keselamatan pengunjung yang datang.

Dengan itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai terutamanya pemilik dan pengusaha premis-premis perniagaan bahawa bermula esok, hari Khamis 23 Julai 2020, mana-mana kesalahan yang didapati di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggala 204) akan dikenakan denda kompaun dengan serta merta.

8. Sementara itu, Kementerian Kesihatan ingin menekankan dan mengingatkan kepada orang ramai untuk terus menerus mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan serta mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan

memakai sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian.

9. Kementerian Kesihatan juga akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global serta melaksanakan penilaian risiko secara berterusan bagi mempertimbangkan pengurangan langkah-langkah seterusnya. Jika situasi wabak kembali membimbangkan, Kementerian Kesihatan tidak akan teragak-agak untuk memperketatkan semula langkah-langkah penjarakan sosial yang perlu dilaksanakan untuk mengawal wabak tersebut. Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi ini, jika perlu dari masa ke masa.

10. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 30 Zulkaedah 1441H / 22 Julai 2020